



Pelajar kursus Bahasa Melayu Malaysia-Indonesia Universiti La Rochelle bergambar kenangan

Bahasa Melayu terus bersaing di Perancis

» Peningkatan pelajar jadikan bahasa kedua menunjukkan kesedaran kewujudan Malaysia

Oleh Latifah Ariffin
latifah@bh.com.my

Perkembangan pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu di Perancis masih cergas meskipun terpaksa bersaing dengan bahasa asing lain yang lebih menguasai pasaran antarabangsa terutama bahasa Mandarin, Inggeris dan Sepanyol.

Tiga institusi di Perancis yang masih menawarkan pengajian bahasa adalah Universiti La Rochelle, Pusat Pembelajaran Antarabangsa, Institut Bahasa Afrika Timur dan Ketamadunan Nasional Perancis (INALCO) dan Universiti Le Havre.

Berdepan saingan

Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa, Sastera, Sejarah dan Geografi, Universiti La Rochelle, Prof Philippe Granger, berkata universiti itu mewajibkan pelajar mengambil subjek Bahasa Inggeris dan memilih bahasa kedua, iaitu Bahasa Sepanyol, Portugis, Mandarin dan Melayu Indonesia-Malaysia.

"Bahasa Inggeris diwajibkan kerana masih ramai rakyat Perancis tidak boleh berkomunikasi dengan baik dalam bahasa ini. Dasar ini mula memperlihatkan perubahan kerana kanak-kanak Perancis berumur lingkungan tujuh tahun kini sudah boleh bertutur dengan baik.

"Tidak mustahil perkembangan sama akan berlaku kepada Bahasa Melayu Indonesia-Malaysia di Perancis pada masa akan datang. Universiti La Rochelle



“**Setiap semester sememangnya ada peningkatan jumlah pelajar yang mengambil Pengajian Bahasa Melayu, sekali gus menunjukkan mereka mula menyedari kewujudan Malaysia dan melihat peluang yang baik untuk menyambung pengajian dan bekerja di sana**”

Prof Philippe Granger,
Pengaruh Institut Asia
Pasifik Perancis

mencatat jumlah pelajar tertinggi berbanding dua universiti lain dalam pengambilan Bahasa Melayu Indonesia-Malaysia.

"Setiap semester sememangnya ada peningkatan jumlah pelajar yang mengambil

Pengajian Bahasa Melayu, sekali gus menunjukkan mereka mula menyedari kewujudan Malaysia dan melihat peluang yang baik untuk menyambung pengajian dan bekerja di sana.

"Kami juga membina hubungan erat dengan universiti di Malaysia bagi menggalakkan program pertukaran pelajar secara dua hala. Pada tahun depan, lima pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menyambung pengajian di Universiti La Rochelle," katanya pada pertemuan dengan Sastera BH di Paris, selepas Ceramah Sastera oleh Sasterawan Negara (SN) Ke-6, Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh anjuran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), di Universiti La Rochelle, baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengarah Institut Asia Pasifik Perancis yakin bahawa pertukaran pelajar antara kaedah berkesan menggalakkan perkembangan bahasa Melayu di Perancis, tetapi mengukui Bahasa Sepanyol antara yang paling mendapat perhatian di Universiti La Rochelle.

"Kecenderungan pemilihan Bahasa Sepanyol berkemungkinan kerana persamaan bahasanya dengan Perancis, sekali gus menjadi jalan pintas untuk pelajar yang ingin lulus dengan cemerlang dalam subjek bahasa kedua," katanya.

Tiada pilih kasih

Prof Granger berkata, walaupun sukatan pengajian Bahasa Melayu di Perancis lebih memberi penekanan kepada bahasa Indonesia, ia tidak bermakna



dengan delegasi Malaysia.

bahasa Melayu Malaysia tidak hebat.

"Kedua-duanya mempunyai keistimewaan tersendiri. Saya sendiri mempelajari Bahasa Melayu Indonesia terlebih dulu ketika berusia 20 tahun dan menyambung pengajian di Pusat Kebudayaan Perancis di Bandung, Indonesia.

"Persamaan ketara antara kedua-dua bahasa, akhirnya membawa saya mempelajari bahasa Melayu versi Malaysia yang tidak kurang uniknya dan pengalaman sama turut dilalui pelajar kami yang pasti akan mengenali dan mencintai Bahasa Melayu Malaysia, apatah lagi ia serumpun," katanya.

Beliau turut menyarankan agar filem Melayu dipasarkan ke Perancis sebagai strategi mengangkat bahasa itu di negara terbabit, selain menterjemahkan karya sastera Melayu ke bahasa Perancis, seperti yang sudah dilaksanakan ketika ini.

"Filem adalah wahana paling berkesan memperkenalkan Malaysia, bahasa dan budayanya pada peringkat antarabangsa. Mengapa tidak diusahakan agar filem Malaysia dijual ke stesen televisyen di Perancis.

"Saya yakin ia pasti memabitkan jumlah tontonan yang ramai, sekali gus dapat membantu menyebarkan citra Malaysia dengan cara yang lebih mudah lagi berkesan kepada rakyat Perancis," katanya.

Kekurangan tenaga pengajar

Ketua Jurusan Bahasa Melayu Indonesia INALCO, Prof Jerome Samuel, lebih berpijak di bumi nyata apabila menyatakan pengajian Bahasa Melayu Malaysia tidak menjadi fokus utama di INALCO berbanding bahasa Melayu-Indonesia.

"Kami menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar Bahasa Melayu Malaysia. Kami cuma ada seorang tenaga pengajar profesional Bahasa Melayu Malaysia, Dr Monique Zaini-Lajourbert yang kini sudah bersara dan hanya mengajar secara sambilan.



“

Kita sentiasa berusaha menempatkan Bahasa Melayu Malaysia di INALCO dan antaranya dengan membawa tenaga pengajar dari UPM yang akan mengajar dan bertugas sebagai penyelidik, selain mengajar Bahasa Melayu di sini”

Prof Jerome Samuel,
Ketua Jurusan Bahasa
Melayu Indonesia INALCO

"Ia antara faktor mengapa Pengajian Bahasa Melayu Malaysia tidak begitu mendapat perhatian di sini sedangkan Pengajian Bahasa Melayu Indonesia tidak menghadapi sebarang masalah membabitkan tenaga pengajar," katanya yang ditemui selepas pelancaran buku karya Muhammad Salleh, iaitu *Puitika Sastera Melayu* atau terjemahannya *La Poetique de La Literature Malaise* di INALCO, baru-baru ini.

Sungguhpun demikian, katanya, Pengajian Bahasa Melayu Malaysia tidak pernah diketepikan, malahan mereka merancang membawa seorang pensyarah bahasa dan sastera Melayu dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Januari 2014 bagi mengisi kekosongan berkenaan.

"Kita sentiasa berusaha menempatkan Bahasa Melayu Malaysia di INALCO dan antaranya dengan membawa tenaga pengajar dari UPM yang akan mengajar dan bertugas sebagai penyelidik, selain mengajar Bahasa Melayu di sini.

"Kurikulum Pengajian Bahasa Melayu di INALCO juga tidak boleh diubah kerana sukatan pelajaran Bahasa Melayu Indonesia dan Malaysia perlu disamaratakan kerana ia ketetapan universiti, tetapi pelajar diberi peluang belajar dengan lebih mendalam menerusi bab perbandingan bahasa," ujarnya.

Baginya daya tarikan orang asing terutama di Perancis terhadap Bahasa Melayu Indonesia kerana mereka mempunyai pengetahuan lebih luas mengenai negara itu terutama daripada sudut budaya, ekonomi dan sosial sehingga ramai yang ingin bekerja di negara itu.